



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

6 Mac 2026 / 16 Ramadan 1447H

Al-Quran Sumber Ketenangan Di Kala Keresahan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِلْإِسْلَامِ، وَوَفَّقَنَا لِإِتْرَاكِ شَهْرِ الصَّيَامِ وَالْقِيَامِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
سَيِّدُ الْأَنْبِيَاءِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَيْرِ مَنْ صَلَّى وَصَامَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْكَرَامِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ جَلَّ
فِي عُلَاهُ: إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ
يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kita kepada Allah s.w.t. Laksanakan segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Marilah kita terus kekal berada di atas landasan ketakwaan dan kebenaran, menjadikan **Al-Quran** sebagai panduan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bulan Ramadan amat sinonim dengan **Al-Quran**. Allah s.w.t. telah menjelaskan dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 bahawa **Al-Quran** diturunkan pada bulan Ramadan.

Ramai juga di kalangan kita yang mengambil peluang ini untuk memperbanyakkan bacaan dan menghayati ayat-ayat suci **Al-Quran**. Namun, hubungan kita dengannya tidak seharusnya terbatas kepada bacaan semata-mata.

Terutama sekali dalam suasana hari ini, di mana kita terus dikelilingi fitnah dan kebingungan. Dunia terus bergolak, menimbulkan ketakutan dan **keresahan**. Sedang kita masih tertanya-tanya, mencari penjelasan dan jawapan: Apakah hikmah di sebalik kekalutan yang disaksikan?

Dalam suasana yang tidak menentu ini, **Al-Quran** terus setia membawa pedoman dan bimbingan. Dalam Surah An-Nisa, Allah menyifatkan **Al-Quran** sebagai “*nuran mubina*” – cahaya yang jelas, manakala dalam Surah Yunus, ia disifatkan sebagai “*syifa*” – penawar bagi apa sahaja yang terpendam di dalam hati.

Saudara yang dirahmati Allah,

Mimbar pada hari ini ingin berkongsi 3 peranan **Al-Quran** dalam menyuntik **ketenangan** bagi setiap hati yang dihinngap walau secebis **keresahan**:

Pertama: Pedoman Al-Quran melepasi batas masa

Apa sahaja situasi yang kita hadapi, pasti terdapat panduan daripada **Al-Quran**. Seseorang yang memikirkan rezeki dan masa depan keluarga, atau seseorang yang diselubungi rasa bersalah akibat kesilapan dan dosa. Atau, apabila melihat

kerosakan dan kezaliman terus bermaharajalela. Sifat tamak kuasa yang mengakibatkan banyak korban nyawa.

Kita sendiri membaca kisah Firaun, kaum 'Ad dan Thamud – mereka pernah memiliki banyak kelebihan, namun kerana sikap angkuh, menolak kebenaran dan keadilan, akhirnya semuanya punah bertemu kebinasaan. Hanya kisah mereka yang kekal terakam di dalam **Al-Quran**, menjadi iktibar buat insan sepanjang zaman.

Kedua: Al-Quran menekankan pertanggungjawaban

Apabila melihat kerosakan yang tersebar luas, mungkin ada yang persoalkan: *Bilakah keadilan akan ditegakkan? Bagaimanakah kezaliman dapat dihentikan? Di manakah rahmat dan bantuan Tuhan?*

Sedangkan **Al-Quran** telah lama menjelaskan bahawa tidak ada perbuatan yang terlepas daripada pengetahuan dan pengadilan Allah s.w.t. Firman-Nya dalam Surah Ibrahim ayat 42 yang bermaksud: *“Dan janganlah engkau menyangka bahawa Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim; sesungguhnya ia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbeliak kaku pemandangan mereka.”*

Ketiga: Al-Quran menjelaskan apa yang harus kita lakukan

Walau apapun situasi yang kita sedang hadapi, di celah kebingungan, **keresahan** dan ketakutan, Allah s.w.t. telah berjanji bahawa kesudahan yang baik akan sentiasa memihak kepada mereka yang menegakkan ketakwaan. Firman-Nya dalam Surah Al-Qasas, ayat 83,:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا
وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾

Yang bermaksud: “*Akhirat itu Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak bertujuan menyombongkan diri atau membuat kerosakan di muka bumi; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Rasulullah s.a.w. pernah mengajarkan kita dalam sepotong hadis riwayat Imam Ahmad, bahawa apabila seseorang ditimpa kegelisahan dan kesedihan, lalu dia berdoa agar **Al-Quran** dijadikan penyejuk bagi hati, cahaya buat jiwa, penghapus kesedihan dan penghilang kegelisahan, maka Allah akan mengabulkan doanya itu dan mengurniakan kelapangan dan **ketenangan**.

Oleh itu, di kala kita memperkuat lagi hubungan kita dengan **Al-Quran** pada bulan Ramadan ini, marilah kita terus perpegang teguh kepada ajarannya, mengambil pedomannya, agar ia melahirkan takwa yang menjadi matlamat daripada ibadah

puasa kita. Semoga kita menjadi insan yang sentiasa **tenang** hatinya dari **keresahan** dunia dan jernih nuraninya dengan cahaya **Al-Quran**.

اللَّهُمَّ اجْعَلِ الْقُرْآنَ الْعَظِيمَ رِبْعَ قُلُوبِنَا، وَنُورَ صُلُوبِنَا، وَجَلَاءَ أَحْرَانِنَا،
وَذَهَابَ هُمُومِنَا وَغُمُومِنَا.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dunia terus bergolak dengan keganasan, peperangan dan persengketaan. Ada antara kita yang masih cuba memahami dan mencari erti – apakah hikmah di sebalik semua ini? Hamba-hamba Allah, Muslim atau selainnya, terkesan secara langsung dengan pergolakan yang berlaku sekarang ini.

Ramai anak-anak kita yang melanjutkan pengajian di sana dibelenggu kekhuatiran. Tidak lupa golongan pekerja dan petugas yang dihipit kegusaran. Begitu juga jemaah umrah dan musafir yang terkandas di persimpangan. Ramai lagi insan tidak berdosa yang menjadi mangsa pergolakan.

Marilah, dalam keadaan kita berpuasa di bulan mulia ini, sebagai hamba Allah yang yakin dengan hikmah di sebalik setiap ketentuan-Nya, kita berdoa agar Allah s.w.t. terus melindungi mereka, membela yang teraniaya, menghentikan peperangan dan pertumpahan darah, dan mengembalikan ketenangan.

Bagi mereka yang bercadang untuk menuju ke rantau itu, mimbar menyeru agar ditangguhkan rancangan tersebut, sesuai dengan maqasid shariah dalam memelihara kebajikan dan kemaslahatan.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزَنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.